

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]**
TARIKH : **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kucar-kacir dan sikap tidak bertanggungjawab mengenai keputusan menghantar balik pelajar-pelajar yang perlu mendaftar secara fizikal di kampus masing-masing yang mengakibatkan NGO dan NGI seperti Ebit Liew terpanggil untuk membantu pelajar-pelajar yang terkandas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sesi *engagement* bersama pihak-pihak berkepentingan seperti pengurusan universiti telah dilaksanakan oleh kementerian dan pandangan daripada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga diteliti terlebih dahulu sebelum keputusan untuk menangguh pendaftaran pelajar baharu sesi akademik 2020/2021 secara bersemuka diambil. Kementerian juga turut memantau secara rapat perkembangan semasa pandemik COVID-19 di dalam negara bagi memastikan sebarang keputusan yang dibuat dapat menjamin keselamatan dan menjaga kebajikan pelajar.

Bagi memastikan urusan pendaftaran dan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) pelajar tidak terjejas berikutan keputusan tersebut, semua urusan berkaitan pendaftaran dan PdP boleh dilaksanakan secara dalam talian. Kementerian turut mencadangkan kepada universiti awam supaya pelajar yang telah berada di kampus dan sedang mengikuti aktiviti akademik, boleh terus kekal berada di kampus masing-masing. Sebagai inisiatif berterusan untuk memastikan maklumat yang tepat dapat disalurkan, Bilik Gerakan di kementerian dan talian *hotline* di universiti-universiti awam terus dibuka bagi menjawab sebarang pertanyaan daripada pelajar, ibubapa, warga IPT, atau masyarakat umum.

Selain itu, kementerian turut bekerjasama dengan syarikat penerbangan dan pengangkutan darat seperti Malaysia Airlines, AirAsia, Malindo Air; FireFly; syarikat-syarikat bas ekspres dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi menawarkan penjadualan semula pergerakan pelajar tanpa dikenakan sebarang implikasi kos tambahan. Pihak pengurusan universiti awam juga menyediakan insentif kewangan; pemberian pelan data dan peranti secara percuma atau pada harga tawaran istimewa; elaun sara hidup; dan bantuan makanan kepada pelajar berkeperluan. Kementerian turut mengalu-alukan segala sumbangan dan peranan oleh pihak luar termasuk NGO; agensi; syarikat; atau individu untuk tampil sama-sama berganding bahu menghulurkan bantuan kepada pelajar di universiti awam.

Sekian, terima kasih.